

Dr. Mahathir ajak rakyat beri sokongan padu kepada BN

KUALA LUMPUR 9 Mac — Tun Dr. Mahathir Mohamad malam ini mengajak rakyat memberikan sokongan padu kepada kerajaan Barisan Nasional (BN) pada pilihan raya umum ke-11.

Menurut bekas Perdana Menteri, hanya kerajaan BN yang mampu meneruskan usaha pembangunan dan kestabilan negara.

"Saya yakin BN akan mencapai kemenangan pada pilihan raya kali ini sekali lagi," katanya ketika berucap pada majlis makan malam perpisahan Kumpulan Industri-Kerajaan Bagi Teknologi Tinggi Malaysia (MIGHT).

Dr. Mahathir adalah bekas penaung pertama MIGHT sejak ditubuhkan pada 1993. Turut hadir pada majlis itu adalah isterinya, Tun Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali dan Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Samsudin Osman.

Dalam pada itu, Dr. Mahathir berkata, keputusannya melepaskan jawatan Perdana Menteri pada 31 Oktober lepas adalah tepat pada masanya.

Beliau gembira kerana kerajaan yang ada hari ini mampu untuk terus membangunkan negara walaupun di bawah kepimpinan baru.

"Kepimpinan baru kita telah dapat meyakinkan kerajaan, ekonomi terus berkembang dan saya gembira melihat keadaan ini," ujarnya.

Dr. Mahathir secara berseloroh berkata, beliau sepatutnya tidak bimbang melepaskan jawatan itu lebih awal lagi memandangkan keadaan negara yang terus aman dan sejahtera.

Dr. Mahathir, juga mengakui bahawa ketika ini beliau begitu menikmati persaraan dan bebas daripada sebarang tekanan.